

Systech Perkenal Suit Perlindungan Jenama Digital Revolusioner

Platform generasi seterusnya Systech ialah satu-satunya penyelesaian perlindungan jenama yang menyepadukan pengesahan produk kalis-penipuan dengan penyirian, kebolehesanan dan pemahaman.

LAS VEGAS, 23 September 2019 /PRNewswire/ -- Systech, peneraju teknologi bertaraf global bagi perlindungan dan pengesahan jenama digital, hari ini mengumumkan pelancaran rasmi [Systech Brand Protection Suite™](#) di PACK EXPO Las Vegas. Platform ini memberikan penyelesaian yang berkuasa dan bersepadu sepenuhnya untuk memerangi penipu, menyelesaikan pemasangan produk dan memenuhi pematuhan kawal selia.

Alami Hebahan Berita Berbilang Saluran yang interaktif di sini: <https://www.multivu.com/players/English/8471152-systech-launches-brand-protection-suite-at-pack-expo-las-vegas>

Systech Brand Protection Suite ialah penyelesaian pertama yang menyepadukan tonggak-tonggak utama perlindungan jenama dengan lancar: [penyirian](#), [kebolehesanan](#), [pengesahan](#) dan [pemahaman](#). Ia mengubah kod bar pakej yang mudah untuk memberi pemilik jenama dengan keterlihatan hujung-ke-hujung dan pemahaman dipacu data yang boleh diambil tindakan tentang produk tertentu tatkala ia bergerak merentas rantai bekalan.

"Tatkala penipu dan penjenayah pasaran 'kelabu' menjadi semakin sofistikated, langkah-langkah tradisional seperti hologram dan dakwat khas sahaja tidak mencukupi untuk memerangi ancaman rantai bekalan manakala teknologi-teknologi lain seperti RFID terlalu mahal untuk kebanyakan produk," kata [Ara Ohanian](#), Ketua Pegawai Eksekutif Systech. "Perlindungan jenama perlu berkembang dan Systech komited untuk menyediakan teknologi disruptif dan penyelesaian holistik yang membantu pelanggan kami memastikan produk-produk bersifat asli, selamat dan terhubung, bermula daripada pembuatan kepada pengguna mereka."

"Pelancaran ini menunjukkan anjakan paradigma dalam penyelesaian perlindungan jenama," kata [Joe Belenardo](#), naib presiden kanan Systech. "Kami melihat bahawa pelanggan kami menuntut penyelesaian bersepadu yang membolehkan mereka menggunakan teknologi yang diperlukan, bergantung kepada ancaman dan cabaran pada rantai bekalan mereka. Dengan pelancaran ini, kami merupakan yang terunggul dalam menyediakan penyelesaian perlindungan hujung-ke-hujung yang akan memenuhi keperluan pelanggan kami pada mana-mana titik dalam perjalanan perlindungan jenama mereka."

Sejak pelancaran lunaknya awal tahun ini, Systech Brand Protection Suite diguna pakai dengan pesat oleh jenama-jenama utama merentas pelbagai industri termasuk farmaseutikal, e-rokok, kosmetik dan minuman beralkohol. Platform ini menyediakan penyelesaian yang mudah namun komprehensif yang dapat melindungi jenama syarikat dan pengguna mereka, sekaligus memberi kuasa kepada kod bar mereka untuk:

- Memerangi pemalsuan
- Mengesan pemasangan
- Memperoleh pemahaman rantai bekalan
- Melibatkan pengguna

Kunjungi Systech di PACK EXPO Las Vegas di Reruai N-230 atau [secara dalam talian](#) untuk mengetahui lebih lanjut.

[Latar Belakang Systech](#)

Systech menyediakan penyelesaian pengesahan dan kebolehkesanan produk digital bagi memerangi pemalsuan, mencegah pemesongan dan memenuhi pematuhan kawal selia. Dibina berdasarkan berdekad-dekad pengalaman sebagai peneraju dalam penyirian farmaseutikal, suit perlindungan jenama komprehensif kami memberi pemahaman pada waktu nyata, data produk yang boleh diambil tindakan, ketersambungan digital dan fungsian penglibatan pengguna yang diperlukan untuk memerangi ancaman rantaian bekalan.

Jenama-jenama global dalam industri-industri bergantung kepada kami untuk memastikan produk mereka asli, selamat dan terhubung—bermula dengan pembuatan hinggalah sampai ke tangan pengguna. Kami bersama-sama merevolusikan perlindungan jenama!

Hubungan Media:

Jefferson Barr, Naib Presiden Pemasaran

+1 609-235-8446

Jefferson.barr@systechone.com